

## **PERANAN AL-QURAN DALAM PERKEMBANGAN ILMU NAHU DAN KAEDAH PENGAJARANNYA MASA KINI**

*Oleh: Rohaidi bin Habil\**

### **Abstrak**

*Al-Quran adalah kitab suci umat Islam menjadi panduan untuk kesejahteraan hidup di dunia. Tidak dinafikan bahawa kemunculan pelbagai ilmu pada zaman kegemilangan Islam berpunca dari kitab suci tersebut termasuklah ilmu bahasa Arab. Bahkan al-Quran itu sendiri diturunkan dalam bahasa Arab menjadi mukjizat terbesar bagi junjungan besar kita nabi Muhammad s.a.w. Walaupun nahu bahasa Arab telah wujud di dalam diri orang-orang Arab, tetapi ianya tidak dibukukan sehingga al-Quran diturunkan dan menjadi sumber rujukan utama bagi umat Islam. Oleh itu demi menjaga kesucian al-Quran dari diselewengkan ilmu nahu adalah antara ilmu terawal yang dibukukan. Ianya dipelajari oleh umat berbangsa Arab dan bukan Arab ('Ajam) untuk memahami al-Quran. Bukan setakat itu sahaja, muncul ulama nahu yang terbilang dari bangsa bukan Arab seperti Sibawaeh dan sebagainya. Ini membuktikan kedudukan ilmu nahu di dalam bahasa Arab semenjak dahulu hinggalah sekarang. Ia perlu diajar dan dipelajari untuk mendalami ilmu agama Islam. Pelbagai pendekatan telah digunakan agar ilmu ini dapat dipelajari dan difahami seterusnya digunakan untuk memahami ilmu-ilmu agama yang lain.*

### **Bahasa Arab Dan al-Quran**

Firman Allah S.W.T yang bermaksud: "*Dan demikian Kami menurunkan al-Quran dalam bahasa Arab*"<sup>1</sup>. Bahasa Arab telah dipilih oleh Allah s.w.t sebagai bahasa pengantar kitabNya yang terakhir seterusnya menjadi mukjizat yang terbesar bagi nabi Muhammad s.a.w. Sebagaimana nabi-nabi lain yang dikurniakan mukjizat-mukjizat tertentu untuk membuktikan bahawa mereka adalah utusan Allah. Mukjizat-mukjizat tersebut kebiasaannya mengikut situasi sesuatu umat. Ia dikurniakan kepada para rasul sebagai bukti kerasulan mereka. Keistimewaan ini tidak dapat dilakukan oleh manusia biasa dan selalunya mukjizat itu berserta – cabaran supaya kelemahan kamum mereka dapat dimaklumi semua.

---

\* Penulis adalah pensyarah di Jabatan Bahasa Arab KIAS, Nilam Puri.

Begitulah juga al-Quran di mana Allah S.W.T telah mencabar kaum Arab yang terkenal dengan kepandaian di dalam bidang bahasa agar mencipta satu surah seumpama al-Quran dengan firmanNya:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ  
وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾

“Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang kami turunkan (Al-Quran) kepada hamba Kami (nabi Muhammad s.a.w) maka cubalah buat dan datangkan satu surah yang sebanding dengan Al-Quran itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah jika betul kamu orang-orang yang benar”.

Al-Baqarah (2): 23

Mempelajari bahasa Arab adalah penting dan menjadi satu kewajipan kepada seluruh umat Islam terutama ahli syariat yang bertanggung jawab terhadap hukum-hakam di dalam agama. Ibnu Khaldun menyatakan:

*“Rukun Ilmu bahasa Arab terbahagi kepada empat iaitu al-lughah (leksikografi), al-nahwu (sintaksis), al-bayan dan al-adab (sastera). Pengetahuan terhadap ilmu-ilmu tersebut adalah perlu bagi ahli syariat kerana sumber segala hukum syariat adalah dari al-Quran dan al-Sunnah dimana kedua-duanya berbahasa Arab, diterima pula dari para sahabat dan tabiin oleh orang Arab dan diterangkan segala kemuskilan melalui bahasa mereka. Oleh itu adalah perlu mengetahui ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bahasa ini bagi mereka yang ingin memahami ilmu-ilmu syariat”<sup>2</sup>.*

Seterusnya beliau menyatakan bahawa yang paling penting sekali ialah ilmu nahu. Ini kerana nahu dapat menunjukkan makna sesuatu ujaran dengan jelas. Tanpanya boleh menyebabkan kepincangan di dalam memahami sesuatu makna. Dari kenyataan di atas dapat kita simpulkan bahawa pembelajaran bahasa Arab adalah penting untuk memahami isi kandungan al-Quran dan al-Hadis. Kefahaman yang mendalam terhadap



kedua-dua sumber asas tersebut adalah amat bergantung kepada pengetahuan bahasa Arab.

Menurut Muhammad Samir Najib al-Lubadiy pula<sup>3</sup>, bahasa Arab mempunyai kaitan yang rapat dengan agama Islam kerana al-Quran diturunkan dengan bahasa ini. Sesiapa yang ingin memahami isi kandungannya dengan betul, ia perlu mahir dengan bahasa Arab dan segala laras bahasanya. Dari apa yang dinyatakan, dapat kita tegaskan bahawa ilmu nahu adalah salah satu ilmu alat (perantaraan) yang paling penting untuk memahami al-Quran dan al-Hadis kerana kedua-duanya berbahasa Arab. Oleh itu untuk memahami al-Quran, al-Hadis dan segala ilmu yang tercabang dari kedua-duanya, tidak dapat tidak mesti mengetahui nahu bahasa Arab terlebih dahulu.

### **Peranan al-Quran Terhadap Ilmu Nahu**

Al-Quran adalah *kalam* Allah yang menjadi sumber ilmu utama untuk rujukan dan kajian di dalam Islam. Di samping itu, ia adalah kitab rujukan paling utama dalam syariat Islamiah bagi segala hukum-hakam. Ia juga merupakan faktor utama kepada kemunculan pelbagai disiplin ilmu di dalam Islam. Ini kerana al-Quran amat mengalakkan umatnya mencari dan mengkaji ilmu-ilmu. Ini dapat dilihat melalui ayat yang pertama yang diturunkan kepada Rasulullah yang menyuruhnya membaca walaupun baginda tidak tahu membaca dan menulis. Segala perintah yang ditujukan kepada Rasulullah adalah juga perintah kepada umatnya.

Terdapat banyak lagi ayat-ayat lain yang menegaskan kepentingan mencari ilmu dan kedudukan ahli ilmu di sisi Allah s.w.t. Oleh sebab itulah umat Islam di masa dahulu telah mencapai kemajuan dalam berbagai bidang keilmuan dan muncul tokoh-tokoh ulama yang dikagumi sepanjang masa yang menjadi asas kepada kemajuan yang dikecapi oleh tamadun manusia sekarang. Tokoh-tokoh seperti Ibnu Sina, al-Razi dan Ibnu Nafis adalah nama-nama yang menjadi rujukan di dalam bidang perubatan. Al-Idrisiy pula terkenal di dalam bidang geografi, Ibnu Khaldun di dalam bidang sosialogi dan ramai lagi tokoh-tokoh ulama Islam yang menjadi rujukan utama bagi para ilmuan moden samada di barat ataupun di timur.

Sumbangan al-Quran kepada ilmu nahu juga amat besar samada pada permulaan atau sepanjang perkembangannya semenjak ia

dibukukan. Ia merupakan sumber utama bagi pembukuan ilmu nahu. Bahkan ia merupakan sebab utama kepada pembukuannya. Terdapat banyak riwayat yang menceritakan bagaimana munculnya idea membukukan nahu. Kesemua riwayat ini bercanggah antara satu sama lain mengenai siapa dan bila teretusnya idea pembukuan nahu. Tetapi satu perkara yang sama yang menjadi asas kepada pembukuan nahu ialah sebab yang membawa kepada yang tersebut iaitu berlaku اللحن (*al-lahn*) pada bacaan al-Quran. *Al-Lahn* bermaksud kesilapan pada penggunaan susunan dan perkataan Arab. Dengan kata lain, faktor paling utama yang menjadi batu asas kepada pembukuan ilmu nahu ialah berlaku kesilapan di dalam bacaan al-Quran. Menurut Syaikh Muhammad al-Tantawiy *al-Lahn* berlaku dengan berleluasa apabila Islam tersebar keluar dari semenanjung Arab menyebabkan bangsa-bangsa 'ajam (bukan Arab) memeluk agama suci ini. Mereka seterusnya menjalinkan hubungan kekeluargaan antara satu sama lain. Percampuran ini memberi kesan langsung kepada lidah Arab di mana terjadinya kesilapan-kesilapan sebutan dan tata bahasa Arab di kalangan orang awam dan bangsawan secara meluas<sup>4</sup>.

Dr. Syauqiy Dif menambah dua faktor lain yang membawa kepada pembukuan nahu iaitu pertama disebabkan kebimbangan bangsa Arab terhadap kerosakan bahasa Arab akibat percampuran mereka dengan bangsa bukan Arab. Faktor kedua ialah keperluan mempelajari bahasa Arab bagi bangsa bukan Arab untuk tujuan kemasyarakatan. Kedua-dua faktor di atas adalah faktor yang biasa menimpa mana-mana umat atau negara yang mempunyai pelbagai bangsa. Tetapi bagi bahasa Arab, faktor keagamaan mengatasi segala-galanya. Ilmu nahu bahasa dibukukan untuk menjaga al-Quran dari diselewengkan. Oleh sebab itu, kita dapati ulama nahu dahulu menjadikan al-Quran sebagai asas utama bagi kaedah nahu yang mereka keluarkan<sup>5</sup>.

Ilmu nahu bukan sahaja penting untuk memahami isi kandungan al-Quran dan al-Hadis, bahkan ia mempunyai pengaruh yang jelas terhadap beberapa disiplin ilmu yang lahir dari kedua-dua sumber tersebut. Kamarul Shukri Mat Teh pernah menyatakan di dalam kertas kerjanya yang bertajuk "*Corak Sintaksis Arab Dalam Beberapa Disiplin Ilmu Daripada Al-Quran*", beberapa contoh pengaruh ilmu nahu yang jelas terhadap beberapa disiplin ilmu yang lahir dari al-Quran. Beliau juga menyebut beberapa kitab yang mempunyai corakan dan pengaruh nahu di dalamnya. Di antara disiplin dan kitab tersebut:



- i. Ilmu tafsir: *Ma'ani al-Quran* oleh al-Farra' (meninggal 207H) dan *al-Bahr al-Muhit* oleh Abu Hayyan (meninggal 745H).
- ii. Ilmu aqidah: *Kitab al-Tauhid wa Ithbat Sifat al-Rabb* oleh Muhammad b. Ishaq b. Khuzaymah (meninggal 311H) dan *al-I'tiqad 'ala Mazhab al-Salaf Ahl al-Sunnah wal Jama'ah* oleh Abu Bakr Ahmad b al-Husayn al-Bayahqiy (meninggal 458H).
- iii. Ilmu feqah: *Athar al-Lughah fi Ikhtilaf al-Mujtahidin* oleh 'Abdul al-Wahbah ;Abd al-Salam Tawilah dan *al-Kawakib al-Durri fi Ma Yatakharraj 'ala al-Usul al-Nahwiyyah min al-Furu' al-Fiqhiyyah* oleh al-Imam Jamal al-Din al-Isnawi<sup>6</sup>.

Sebelum diterangkan objektif-objektif dan pendekatan-pendekatan yang boleh diambil di dalam pengajaran dan pembelajaran nahu, adalah lebih baik kita memahami dengan jelas terlebih dahulu definisi nahu dan kaitannya dengan satu istilah penting yang biasa ditemui di dalam pengajaran dan pembelajaran nahu iaitu "Al-I'rab".

#### Definisi Nahu Dari Segi Bahasa

Nahu dari segi bahasa adalah *masdar* (kata nama terbitan) bagi kata kerja *يَنحُو-نَحَا* (*naha - yanhu*). Nahu mempunyai banyak makna antaranya tujuan, arah, sebanyak dan seumpama. Nahu juga bererti ubah atau tukar. Ibnu al-Sikkit berkata:

"Dinamakan "al-nahwiyy" (ahli nahu) kerana ia menukarkan kata-kata kepada berbagai bentuk i'rab"<sup>7</sup>.

#### Definisi Nahu Dari Segi Istilah

Mengikut Ahmad al-Hasyimiy dalam "*al-Qawaid al-Asasiyyah Li al-Lughah al-Arabiyyah*", nahu ialah segala kaedah yang diketahui dengannya keadaan-keadaan akhir kosa-kosa kata Arab yang berlaku akibat susunan setengahnya dengan yang lain dari segi "al-i'rab"

(الإعراب) “*al-bina*” (البناء) dan apa yang mengikut kedua-duanya<sup>8</sup>. Manakala Ibnu Jinniy mendefinisikan nahu sebagai :

انتحاء سمت كلام العرب في تصرفه من إعراب وغيره

“Mengikut cara pertuturan orang Arab pada penggunaannya dari segi “*i’rab*” dan sebagainya”<sup>9</sup>.

Dari dua definisi di atas dapat kita simpulkan bahawa nahu adalah satu kumpulan kaedah yang didasarkan kepada penggunaan bahasa Arab yang betul yang diambil dari sumber-sumbernya yang tertentu .

### Nahu dan *I’rab*

Salah satu keistimewaan bahasa Arab yang tidak terdapat pada bahasa lain di dunia ialah الإعراب (*al-I’rab*). *Al-I’rab* telah didefinisikan oleh al-Sonhajiy sebagai :

“Perubahan di akhir perkataan disebabkan oleh berbagai ‘amil (iaitu setiap yang memberi kesan kepada perubahan baris di akhir perkataan) yang berperanan ke atasnya samada ianya disebut atau ditakdirkan (tidak disebut)”<sup>10</sup>.

Secara umumnya, nahu dan “*i’rab*” adalah dua perkataan yang saling berkaitan di mana kita mendapati di dalam kebanyakan buku-buku nahu dan bahasa Arab bahawa nahu dinamakan “*i’rab*” dan begitulah sebaliknya. Ini adalah disebabkan peranan “*i’rab*” pada menentukan sesuatu makna.

“*Al-I’rab*” memainkan peranan yang penting pada mempengaruhi makna di dalam bahasa Arab. Tanpanya makna tidak akan jelas dan maksud menjadi kabur. Sebagai contoh firman Allah (surah al-Baqarah:124):

وَإِذْ أَبْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ

Sekiranya ayat ini ditinggalkan tanpa “*i’rab*”, sudah tentu ianya difahami secara susunan logik bahawa *fa’il* (pelaku) adalah Nabi Ibrahim.

Tetapi dengan tanda-tanda *i'rab* (baris) di akhir setiap perkataan dapat menentukan makna yang betul walaupun susunan logik telah diabaikan.

Walaupun begitu, "*i'rab*" juga adalah antara faktor utama yang menyebabkan ilmu nahu agak sukar untuk dipelajari. Ini disebabkan oleh sistem "*i'rab*" yang amat terperinci dan mendalam. Ditambah pula dengan wujudnya teori *takdir/ta'wil* yang hanya difahami dari konteks samada pertuturan atau pun penulisan.

Oleh itu "*i'rab*" perlulah dipelajari kerana kepentingannya pada menentukan makna tetapi pengajarannya hendaklah pada tahap yang tidak melampau dan menyentuh tajuk-tajuk yang biasa digunakan dalam pertuturan dan penulisan. Segala percanggahan pendapat yang menyentuh kepada perkara yang kecil hendaklah ditinggal dan diambil pendapat yang paling kuat.

### **Objektif Pengajaran Nahu**

Setiap bahasa mempunyai tatabahasanya tersendiri. Tatabahasa adalah salah satu unsur penting yang memainkan peranan di dalam menentukan makna. Seseorang yang ingin menguasai sesuatu bahasa perlu memahami selok belok tatabahasa bahasa tersebut. Oleh itu, pengajaran nahu perlu mempunyai objektif yang jelas.

Muhammad Abd al-Qadir Ahmad telah menerangkan beberapa objektif pengajaran dan pembelajaran nahu dalam bukunya "*Turuq Ta'lim Al-lughah Al-Arabiyyah*", antaranya <sup>11</sup>:

- i- Memelihara pertuturan dan penulisan dari kesilapan tata bahasa, seterusnya membentuk kebiasaan menggunakan bahasa secara betul.
- ii- Melatih pelajar menggunakan pemerhatian dan teknik pemikiran, membentuk kemahiran mengeluarkan keadah ataupun hukum bahasa melalui pembelajaran nahu secara pendekatan induktif.
- iii- Menolong pelajar memahami makna secara betul dan cepat.



- iv- Membantu pelajar menggunakan tata bahasa di dalam pertuturan dan penulisan pada situasi-situasi yang berbeza .
- v- Mencipta asas-asas utama untuk dijadikan ikutan pada penggunaan bahasa melalui berbagai latihan.

### **Permasalahan Di Dalam Pengajaran Nahu**

Pengajaran nahu ataupun tatabahasa amat penting untuk menjamin penggunaan bahasa dengan betul samada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Pengajaran nahu dan pembelajarannya adalah untuk memastikan bahasa digunakan mengikut peraturan-peraturan yang standard. Ramai berpendapat bahasa Arab amat sukar untuk dipelajari. Ini merujuk kepada kesukaran dan kerumitan yang terdapat di dalam ilmu nahu bahasa Arab itu sendiri. Perkara ini bukan dihadapi oleh bangsa bukan Arab, bahkan di kalangan anak bahasa itu sendiri. Kerumitan yang timbul pada tatabahasa Arab adalah satu sebab yang menjadikan pengajaran dan pengajaran tatabahasa suatu yang sukar.

Muhamad bin Mustafa juga telah mengkaji permasalahan ini di dalam disertasinya yang bertajuk "*Masalah dalam Pembelajaran Nahu Arab*" dan mengemukakan faktor-faktor yang mewujudkan kesukaran dalam nahu bahasa Arab. Antaranya <sup>12</sup>:

- i- Ilmu nahu terpesong dari matlamat dan medan operasinya yang sebenar. Matlamat asalnya ialah untuk memelihara bahasa Arab dari kesilapan terutama yang berkaitan dengan al-Quran. Begitu juga medan operasinya telah bertukar arah di mana ilmu nahu telah menjadi matlamat utama. Pada hal ilmu nahu sepatutnya menjadi wasilah (perantaraan) untuk memastikan penggunaan bahasa Arab samada lisan atau tulisan adalah betul. Ini dapat kita lihat apabila ilmu nahu tengelam di dalam permasalahan yang remeh temeh dan andaian-andaian yang ditimbulkan oleh berbagai aliran nahu. Manakala kaedah-kaedah pula dihafal tanpa mengutamakan penggunaannya di dalam pertuturan dan penulisan. Hal ini dapat diperhatikan dengan lebih jelas dalam sistem pengajian pondok di mana pelajar-pelajar dikehendaki menghafal kaedah-kaedah melalui matan-matan nahu seperti *al-Ajurumiyat*, *Alfiyyat Ibn Malik* dan sebagainya. Mereka



- menghafal matan-matan tersebut walaupun kadang-kadang mereka tidak memahaminya dan tidak dapat menggunakannya.
- ii- Banyak perselisihan pendapat dan penakwilan terhadap tatabahasa Arab di kalangan ahli-ahli nahu terutamanya di kalangan ulama-ulama Basrah dan Kufah. Kedua-dua mazhab ini telah mencatat sejarah mengenai perbezaan pendapat dan persaingan idea yang banyak seterusnya memberi kesan kepada penulisan dan penyusunan ilmu nahu. Ini kemudiannya ditambah dengan pendapat mazhab-mazhab seperti Baghdad, Andalusia dan Mesir. Ini menjadikan ilmu nahu Arab dipenuhi dengan berbagai-bagai pendapat yang menyentuh masalah dasar dan cabang bahkan perkara yang tidak perlu dan tidak seharusnya diperselisihkan. Kesan dari perselisihan ini merumitkan operasi nahu itu sendiri. Ini akan menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai ilmu tersebut dengan baik. Situasi ini berbeza dengan pembelajaran tatabahasa Inggeris yang lebih jelas dan praktikal.
  - iii- Ilmu nahu telah bercampur-aduk dengan unsur-unsur falsafah dan teori logik yang menyulitkan. Ini disebabkan ahli-ahli nahu telah terpengaruh dengan falsafah ilmu kalam yang tersebar luas dan menguasai pemikiran mereka di masa itu. Kita dapat lihat kitab-kitab nahu dipenuhi dengan berbagai masalah sampingan dan polemik-polemik yang bersifat falsafah serta hujah-hujah *'aqliyyat* (logik).
  - iv- Sistem "*al-i'rab*" yang berbelit-belit dan teori *'amil* yang rumit di mana ia merupakan satu keunikan yang hampir-hampir tidak ada pada bahasa lain di dunia. Ini dapat dibuktikan apabila didapati kebanyakan pelajar menghadapi kesukaran untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan *i'rab*.
  - v- Teknik penyusunan dan penulisan nahu yang menyusahkan dan kurang teratur. Ini kerana penyusunan kebanyakan bab dalam ilmu nahu adalah mengikut susunan logik dan mengabaikan susunan mengikut kepentingan satu bab. Susunan juga bercampur-aduk antara "*matan*", "*syarah*"

dan "*hasyiyat*". Ditambah pula dengan gaya bahasa klasik yang yang tinggi dan sukar difahami yang menambah beban terhadap nahu bahasa Arab. Penyusunan ilmu nahu secara logik akan menyebabkan beberapa tajuk yang kurang penting didahulukan dan sebaliknya. Sebagai contoh tajuk-tajuk seperti "*tamyiz*", "*istithna*", "*hal*" dan sebagainya telah didahulukan kerana tergolong dibawah tajuk *al-mansubat*. Sedangkan tajuk "*mudhafun ilaih*" lebih penting dari segi kegunaannya berbanding tajuk-tajuk yang tersebut.

Dengan kata lain, ilmu nahu ataupun tatabahasa merupakan permasalahan yang paling utama di dalam pengajaran bahasa Arab. Oleh sebab itulah munculnya pelbagai pendapat tentang pengajarannya di kalangan para pendidik. Sebenarnya permasalahan itu wujud disebabkan terdapatnya ketidakselarasan di antara tatabahasa yang diajar dengan keperluannya di dalam kehidupan harian. Ilmu nahu bukan hanya dengan mengetahui tanda-tanda akhir perkataan dan sebagainya. Bahkan ilmu nahu mempunyai aspek lain yang tidak patut diabaikan iaitu mengetahui hubungan di antara perkataan, frasa, ayat dan gaya bahasa yang membawa makna.

### **Pendekatan-pendekatan di dalam Pengajaran Nahu Bahasa Arab**

Pengajaran nahu berkesan telah menarik perhatian ahli-ahli bahasa semenjak dahulu lagi. Berbagai teknik dan pendekatan telah diambil untuk menjadikan ilmu nahu dapat diterima dan difahami dengan mudah.

Secara jelas, ilmu nahu merupakan salah satu unsur utama untuk memahami al-Quran dan al-Hadis. Kebanyakan yang mempelajari bahasa Arab di kalangan orang Islam adalah untuk memahami kedua-dua sumber tersebut. Jesteru itu, mereka perlu mempelajari ilmu nahu sebagai *wasilah* (perantaraan), bukannya *ghayah* (matlamat).

Di samping itu, tidak menafikan terdapat di kalangan penuntut bahasa arab yang mempelajari bahasa Arab untuk tujuan komunikasi seperti bahasa-bahasa lain di dunia. Bahasa adalah medium utama untuk memindahkan pemikiran samada secara lisan ataupun bertulis. Tambahan pula bahasa Arab telah menjadi bahasa antarabangsa yang digunakan di dalam perhimpunan atau urusanniaga yang bertaraf antarabangsa.



Oleh itu, pelbagai objektif ini memerlukan kaedah dan pendekatan yang berbeza mengikut kesesuaian. Pengajaran nahu kepada penutur bahasa Arab sebagai bahasa ibunda adalah berbeza dengan pengajaran terhadap penutur sebagai bahasa kedua. Pengajaran nahu untuk memahami maksud al-Quran dan al-Hadis berbeza dengan pengajaran nahu untuk tujuan komunikasi. Objektif pengajaran nahu bahasa Arab yang jelas amat diperlukan untuk menjamin matlamat pengajaran dan pembelajaran nahu tercapai.

Tidak dapat dinafikan bahawa ilmu nahu merupakan salah satu cabang ilmu yang mendapat perhatian utama di kalangan ulama Islam semenjak dahulu. Berbagai teknik dan pendekatan telah diambil agar para pelajar dapat memahami dan mengingat kaedah nahu yang diajar. Cuma teori pengajaran nahu telah berubah semenjak permulaan abad 19 di mana pengajaran nahu bukan lagi menjadi matlamat utama, bahkan ia adalah sebagai perantaraan kepada penggunaan bahasa secara betul. Begitu juga pandangan terhadap tatabahasa itu sendiri di mana ia bukanlah sehimpunan maklumat yang perlu dipelajari, bahkan ia merupakan kemahiran yang perlu dipupuk di kalangan pelajar.

Ahmad Madkur telah menyatakan dalam bukunya "*Tadris Funun al-Lughah al-Arabiyyah*" bahawa ulama bahasa Arab moden telah mengemukakan beberapa pendekatan di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa yang boleh dikatakan sama dengan teori-teori pengajaran bahasa kedua yang dikemukakan oleh ilmuan barat. Antaranya<sup>13</sup>:

- i- Pendekatan *Qiyasiy* (Deduktif)
- ii- Pendekatan *Istiqla'iy* (Induktif)
- iii- Pendekatan *Mu'addalat* (Eklektif)

#### **Pendekatan *Qiyasiy* / القياسي (Deduktif)**

Pendekatan ini mementingkan pengajaran kaedah bahasa daripada penggunaan bahasa. Ia menyarankan agar tatabahasa diajar dengan menerangkan kaedah-kaedahnya terlebih dahulu dan kemudian diikuti dengan memberi contoh-contoh ataupun bukti-bukti penggunaannya di dalam bahasa yang dapat menerang dan menguatkan kaedah tersebut. Dengan kata lain, pendekatan ini mendahulukan generalisasi dan kemudian bergerak kepada contoh-contoh yang dibawa oleh guru. Guru

memberi latihan berdasar contoh-contoh tadi. Pelajar pula akan menyalin, menghafaz dan cuba mengenali kaedah yang dipelajari di dalam ayat atau karangan. Kaedah-kaedah nahu melalui pendekatan ini menjadi matlamat bukan sebagai perantaraan untuk memahami bahasa. Ilmu nahu diajar sebagai satu mata pelajaran yang berasingan.

#### **Kebaikan Pendekatan Qiyasiy**

- i. Kaedah ini digemari oleh orang dewasa kerana mereka mahukan sebab-sebab atau undang-undang tertentu.
- ii. Pelajaran dapat diajari dengan mudah dan cepat.
- iii. Pelajaran dapat disusun mengikut bab. Ia juga dapat disalin atau dibukukan dan dibuat semakan.
- iv. Setiap pelajar mendapat peluang belajar sama banyak.

#### **Kelemahan Pendekatan Qiyasiy**

- i. Mengajar pelajar bergantung kepada ingatan dan ini memberi masalah kepada pelajar yang kurang ingatan yang boleh membawa kepada hilang minat untuk belajar.
- ii. Melemahkan kemampuan pelajar untuk menggunakan bahasa kerana mereka tidak bebas berfikir melaluinya.
- iii. Pendekatan ini bermula dengan undang-undang umum yang abstrak dan berakhir dengan bahagian-bahagiannya yang nyata. Ini menyebabkan kesukaran untuk memahami nahu kerana berlawanan dengan prinsip mengajar yang bermula dengan yang nyata (konkrit) kepada yang abstrak.

#### **Pendekatan *Istiqra'iy* / الاستقرائي (Induktif)**

Pendekatan ini bermula dengan guru menunjukkan penggunaan unsur-unsur bahasa melalui contoh-contoh. Guru menerang dan berbincang dengan pelajar contoh-contoh tersebut seterusnya membuat generalisasi



dan kesimpulan samada dalam bentuk definisi atau kaedah. Pendekatan ini adalah keterbalikan bagi pendekatan qiasi di mana ia bermula dengan yang nyata dan berakhir dengan hukum am (generalisasi) yang kita namakannya kaedah atau undang-undang. Pendekatan yang dikenali juga dengan “*Istinbati*” ini dianggap sebagai pembelajaran bahasa secara semulajadi.

#### **Kebaikan Pendekatan *Istiqra'iy***

- i. Pendekatan ini sesuai dengan pelajar yang lemah yang mana ia akan melalui satu kaedah berfikir dari mudah kepada sukar.
- ii. Ia mampu menarik minat pelajar untuk menggunakan bahasa dengan menggunakan tatabahasa yang betul.
- iii. Ia memberi peluang kepada pelajar melibatkan diri secara aktif dan bebas menggunakan bahasa dengan bimbingan guru.

#### **Kelemahan Pendekatan *Istiqra'iy***

- i. Pendekatan ini amat perlahan dan memerlukan masa yang lama untuk menyelesaikan satu-satu topik terutama semasa pelajar diminta memberi contoh-contoh.
- ii. Ia juga membebankan tugas guru kerana terlalu banyak persediaan yang perlu dibuat sebelum satu-satu pelajaran.
- iii. Pendekatan ini menjadi sukar sekiranya tidak mendapat kerjasama dari pelajar

#### **Pendekatan *Mu'addalah* / المعدلة (Eklektif)**

Pendekatan ini merupakan pengubahsuaian bagi pendekatan *istiqra'iy* di mana ia adalah pengabungan dari dua pendekatan di atas iaitu qiasiy dan *istiqra'iy* yang dijelmakan kepada satu pendekatan di dalam pengajaran nahu.

Dengan kata lain, pengajaran nahu mengaitkan bahasa dengan kehidupan melalui pendekatan ini. Ia akan menjadi pelajar berminat mempelajari nahu dan tidak lagi menganggap nahu sebagai satu yang sukar dipelajari<sup>14</sup>.

### **Ciri-ciri Pendekatan *Mu'addalah* (Eklektif)**

Antara ciri-ciri pendekatan ini ialah pendekatan yang diambil adalah melalui teks yang bersambung sebagai satu petikan karangan. Ini berbeza dengan pendekatan *istiqra'iy* yang menggunakan ayat-ayat yang tidak ada hubungan antara satu sama lain. Petikan karangan tersebut seboleh-bolehnya adalah berkaitan dengan kehidupan pelajar. Manakala pelajaran nahu adalah sebahagian dari aktiviti pemerolehan bahasa di samping melatih pelajar membaca dengan menggunakan kaedah-kaedah bahasa yang betul.

### **Kelemahan Pendekatan *Mu'addalah***

- i- Pendekatan ini kadang-kadang menjadikan guru terpaksa mereka-reka petikan yang boleh menjadikannya satu petikan yang tidak bermutu.
- ii- petikan juga mungkin berjela-jela untuk meliputi segala kaedah. Ini menjadikan guru terpaksa menggunakan masa yang panjang untuk menghabiskan satu-satu petikan ataupun dia meninggalkan petikan tersebut dan mereka contoh-contoh yang lain.

Dr Jasim Ali Jasim pula mencadangkan di dalam artikelnya satu pendekatan lain yang mudah untuk mengajar nahu. Pendekatan tersebut menjadikan pengetahuan makna sebagaimana istilah nahu sebagai matlamat. Manakala dari segi yang lain pengetahuan tentang kaedah tatabahasa itu sendiri juga tidak diabaikan. Beliau telah mempraktikkan pendekatan tersebut kepada sekumpulan pelajar matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan mendapati sambutan pelajar-pelajar tersebut adalah memberangsangkan. Beliau juga mencadangkan dua teknik agar pelajar dapat mengingat kaedah tersebut iaitu melalui penyertaan mereka untuk membentuk ayat dan juga tugas<sup>15</sup>.



### **Kesimpulan**

Sebelum mengakhiri tulisan ini, dinukilkan kata-kata Ibnu Khaldun di dalam *Muqaddimah*nya iaitu:

*“Para ilmuan bimbang akan rosak “al-malaka” (kemampuan menggunakan bahasa dengan semulajadi) dan selepas masa yang panjang, al-Quran dan al-Hadis akan tertutup dari segala kefahaman yakni sukar untuk difahami”<sup>16</sup>.*

Ini bermaksud kefahaman pelajar terhadap nahu bahasa Arab dan segala ilmu yang berkaitan dengan penggunaan bahasa tersebut adalah amat penting kerana kaitannya dengan al-Quran dan al-Hadis. Jika pengetahuan tentang ilmu tersebut pincang, sudah tentu menyebabkan kepincangan untuk memahami kedua-dua sumber tersebut. Oleh sebab itu, para pendidik dan pengkaji bahasa ini perlu mempertingkatkan lagi peranan mereka demi menjaga kedua-dua sumber tersebut terutama di dalam ilmu nahu yang dianggap tunjang bagi bahasa.

#### NOTA HUJUNG

- <sup>1</sup> Surah Taha ayat 113.
- <sup>2</sup> 'Abd al-Rahman Ibnu Khaldun al-Maghribiy (t.t), *Muqaddimah Ibni Khaldun* , al-Kaherah: al-Matba'ah al-Azhariyyah, h. 482.
- <sup>3</sup> Muhammad Samir Najib al-Lubadiy (t.t), *Athar al-Quran wa al-Qira'at fi al-Nahwi al-Arabiyy*, Kuwait: Dar al-Kutub wa al-Thaqafah, h. 31.
- <sup>4</sup> Muhammad al-Tantawiy (1987), *Nas'ah al-Nahwi Wa Tarikh Ashar al-Nuhah*, c. 5, T.T.P: Dar al-Manar, h. 8 – 12.
- <sup>5</sup> Syauqiy Dif (1999), *al-Madaris al-Nahwiyyah* , c. 8, al-Kaherah: Dar al-Ma'arif, h. 11–13.
- <sup>6</sup> Kamarul Shukri Mat Teh (2006), *Corak Sintaksis Arab Dalam Beberapa Disiplin Ilmu Daripada Al-Quran dalam Wacana Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab (Siri 5)*, Bangi: Fakulti Pendidikan UKM, h. 99 – 104.
- <sup>7</sup> Ibnu Manzur (1995), *Lisan al-Arab*, juz. 14, Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy dan Muassasah al-Tarikh al-Arabiyy, h. 76.
- <sup>8</sup> Ahmad al-Hasyimiy (t.t). *al-Qawaid al-Asasiyyah Lil al-Lughah al-Arabiyyah* , Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 6.
- <sup>9</sup> Ibnu Jinniy (1983 ), *al-Khasa'is* , c. 3, juz. 1, Bayrut: Alam al-Kutub, h. 34.
- <sup>10</sup> Al-Sonhajiy (1990), *Matan al-Ajrumiyyah*, Al-Qasim: Dar al-Bukhariy Li al-Nasyri Wa al-Tauzi' , h. 8.
- <sup>11</sup> Muhammad Abd al-Qadir Ahmad (1983). *Turuq Ta'lim al-Lughah al-Arabiyyah*, al-Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 167.
- <sup>12</sup> Muhammad bin Mustafa (1995). *Masalah Dalam Pembelajaran Nahu Arab*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 105 – 151.
- <sup>13</sup> Ahmad Madkur (1984). *Tadris Funun al-Lughah al-Arabiyyah*, al-Kuwait: Maktabah al-Falah, h. 278.
- <sup>14</sup> Muhammad Abd al-Qadir Ahmad (1983). *Turuq Ta'lim al-Lughah al-Arabiyyah*, al-Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 196.
- <sup>15</sup> Jasim Ali Jasim (1996 ), *Majallat al-Dirasat al-Arabiyyah: Tariqat Li ta'lim al-Qawaid Li ghairi al-Natiqin Bil Arabiyyah*, Kuala Lumpur: Jabatan Bahasa Arab Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya, Bil 5, h. 57.
- <sup>16</sup> 'Abd al-Rahman Ibnu Khaldun al-Maghribiy (t.t), *op. cit.*, h. 482.